

SEMANTIK LIRIK TABIK-TABIK DALAM UPACARA SEWANG MASYARAKAT ORANG ASLI

SEMANTIC OF THE TABIK-TABIK LYRICS IN THE SEWANG CEREMONY OF THE INDIGENOUS COMMUNITY

Nur Atiqah Azman¹
Fara Dayana Mohd Jufry^{2*}

¹Fakulti Muzik & Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,
(E-mail: nuur.atiqah.1999@gmail.com)

^{2*}Fakulti Muzik & Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,
(E-mail: faradayana@fmsp.upsi.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 28-11-2022
Revised date : 29-11-2022
Accepted date : 22-12-2022
Published date : 27-12-2022

To cite this document:

Azman, N. A., & Mohd Jufry, F. D. (2022). Semantik Lirik Tabik-Tabik Dalam Upacara Sewang Masyarakat Orang Asli. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(51), 67 - 76.

Abstrak: Seni persembahan yang wujud di Kampung Terbol, Pahang kurang diketahui oleh orang luar dan juga suku kaum mereka sendiri terutama berkaitan semantik lirik lagu yang digunakan semasa upacara persembahan Sewang (Niksoi) dilakukan. Kajian ini berfokuskan kepada lirik lagu Tabik-tabik yang dipersembahkan dalam upacara Sewang Menyambut Tetamu Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jah Hut. Lirik yang digunakan adalah sepenuhnya menggunakan bahasa kiasan kaum Jah Hut sehinggakan masyarakat mereka sendiri juga kurang memahami akan bait perkataan yang disampaikan. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada terjemahan makna dalam bahasa Melayu Moden yang mudah difahami untuk semua lapisan masyarakat pada masa kini. Selain itu, kajian ini turut menganalisis setiap makna yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu Moden kerana terjemahan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada tahap kefahaman masyarakat sekarang. Menggunakan pendekatan etnografi, masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jah Hut daripada pelbagai peringkat umur dipilih sebagai sampel. Tiga jenis instrumen kajian digunakan iaitu pemerhatian secara terus, soal selidik kepada 20 orang responden yang terdiri daripada belia suku kaum Jah Hut dan temu bual bersama pengamal upacara Sewang di Kampung Terbol, Pahang. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap bait lirik lagu Tabik-tabik mempunyai makna tersirat dengan penggunaan bahasa asal. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat penggunaan simbol dalam bait lirik lagu Tabik-tabik yang dipersembahkan dalam upacara Sewang Menyambut Tetamu seperti simbol alam. Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jah Hut mempunyai keunikan bukan sahaja daripada cara hidup mereka tetapi juga gaya persembahan mereka yang unik dalam upacara Sewang.

Kata Kunci: Lagu Tabik-Tabik, Orang Asli, Sewang, Suku Kaum Jah Hut

Abstract: *The performing arts form that exists in Kampung Terbol, Pahang is less known to outsiders and even their own tribe, especially in relation to the semantics of the song lyrics used during the Sewang (Niksoi) performance ceremony. This study focuses on the lyrics of the song Tabik-tabik performed in the Sewang Ceremony to Welcome Guests of the Jah Hut Tribe's Orang Asli Community. The lyrics that are used are completely using the figurative language of the Jah Hut people and it also affect their own community understanding of the words being delivered. Therefore, this study focuses on the translation of meaning in Modern Malay that is easy to understand for all levels of society today. In addition, this study also analyzes each meaning that has been translated into Modern Malay. Using an ethnographic approach, the Orang Asli community of the Jah Hut tribe of various ages were selected as a sample. Three types of research instruments were used, which were direct observation, a questionnaire to 20 respondents consisting of youth from the Jah Hut tribe and interviews with Sewang Ceremony practitioners in Kampung Terbol, Pahang. The results of the study show that each verse of the song Tabik-tabik has an implicit meaning with the use of the original language. The findings of the study also show that there is a use of symbols in the lyrics of the song Tabik-tabik performed in the Sewang Ceremony to Welcome Guests such as symbols of nature. In conclusion, this study shows that the Orang Asli community of the Jah Hut Tribe has uniqueness not only from their way of life but also their unique performance style in Sewang Dance.*

Keywords: *Tabik-Tabik Song, Orang Asli, Sewang, the Jah Hut Tribe's*

Pendahuluan

Suku Kaum Jah Hut merupakan salah satu dari sub kumpulan masyarakat Orang Asli yang wujud dan menetap di Malaysia. Sub kumpulan ini berada di bawah etnik kumpulan Orang Asli yang terbesar iaitu Senoi. Perkataan 'Senoi' membawa maksud orang dan diambil daripada perkataan sub kumpulannya sendiri iaitu Semai atau Temiar. Terdapat dua lokasi negeri yang mencatat populasi masyarakat Orang Asli yang paling tinggi iaitu di Pahang dan Perak, manakala yang paling rendah adalah di Perlis dan Pulau Pinang. Tradisi persembahan Tarian Sewang ini mendapat kekurangan sambutan daripada golongan remaja masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jah Hut khususnya. Kehidupan luar yang sememangnya lebih baik dan bersifat terbuka serta tidak perlu mengamalkan adat mahupun amalan menjadikan golongan remaja masyarakat Orang Asli lebih selesa dengan kehidupan tersebut. Upacara Sewang merupakan sebahagian daripada seni persembahan yang dikembangkan dan disampaikan secara oral. Oleh yang demikian, informasi tentang upacara Sewang hanya boleh didapati melalui aktiviti temubual dan pembelajaran bersama pengamal atau pewaris kepada pengamal. Selepas kedatangan Islam, ramai masyarakat Jah Hut meninggalkan adat dan budaya yang diamalkan oleh nenek moyang mereka termasuk upacara Sewang. Selain itu, masyarakat ini juga berasa was-was untuk mengekalkan amalan tersebut kerana dahulunya mempunyai kaitan dengan unsur ritual. Oleh sebab itu, upacara Sewang semakin pupus dan tidak diwarisi secara keseluruhan kerana hanya dipersembahkan untuk majlis-majlis tertentu dengan mengeluarkan unsur yang dikhuatiri syirik (Mohamad Hakimi Ahmad Khairuddin & Muammar Ghaddafi Hanafiah). Susulan daripada itu, pemahaman tentang upacara Sewang umumnya dan lagu Tabik-tabik khususnya sudah semakin hilang.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes yang merangkumi proses temu bual, pemerhatian, edaran soal selidik. Kutipan data dibuat sepanjang berada di lapangan bersama-sama pengamal Sewang Kampung Terbol, Pahang. Kaedah pemerhatian

yang digunakan lebih berfokus kepada pemerhatian secara terus atau *direct observation* yang di mana pengkaji mendapatkan data mengenai upacara Sewang yang dilakukan oleh masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jah Hut di Kampung Terbol, Pahang daripada ketua kampung. Selain itu, sesi temu bual secara berstruktur dijalankan semasa kajian lapangan bersama beberapa orang informan yang arif tentang upacara Sewang. Mereka yang ditemubual terdiri daripada pengamal upacara Sewang yang terlibat secara langsung dalam upacara tersebut selain daripada pewaris kepada pengamal terdahulu. Kajian ini turut menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dengan mengagihkan soalan kepada 20 orang responden yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jah Hut di Kampung Terbol, Pahang. Soal selidik yang disediakan menggunakan skala likert merangkumi pemaknaan tentang upacara Sewang amnya dan lagu tabik-tabik khususnya. Soal selidik ini diedarkan dalam bentuk pautan atas talian kepada responden yang telah dikenalpasti. Sampel yang terlibat sepanjang kajian dijalankan adalah kumpulan pengamal yang terdiri daripada masyarakat Suku Kaum Jah Hut di Kampung Terbol, Pahang.

Lirik lagu

Lirik lagu didefinisikan sebagai penulisan yang terdiri daripada perkataan-perkataan yang disusun secara rapi untuk menimbulkan satu bunyi keindahan yang mengasyikkan (Nik Safiah Karim, 1994). Hal ini kerana, setiap lirik yang ditulis mempunyai pemaknaan yang tertentu untuk disampaikan kepada khalayak. Hal ini disokong oleh Masitah Mad Daud dan Zulkifley Hamid (2017) yang menyatakan bahawa bahasa dalam lirik lagu adalah sangat penting bagi menyampaikan makna atau maksud kepada pendengar. Oleh yang demikian, makna yang tersirat dalam lirik lagu merupakan sebuah pengertian yang bukan sahaja terbit daripada bahasa yang disusun dan digunakan, tetapi berkait juga dengan bentuk pemikiran penulis kepada lirik lagu tersebut (Masitah Mad Daud et al., 2017). Lirik merupakan susunan perkataan yang disusun secara sederhana dan cara mengungkapnya adalah sederhana dan dikenali sebagai sebuah puisi yang dinyanyikan (Semi, 1993).

Fauzi Rahman dan Puji Anto (2015) menjelaskan bahawa lirik lagu adalah rangkai kata yang disusun dan diguna oleh pencipta lagu untuk menonjolkan ekspresi dan gaya pemikiran penulisan untuk menghasilkan sebuah puisi. Lirik lagu mempunyai perbezaan dengan puisi iaitu, lirik lagu mempunyai irama dan diiring dengan melodi mahupun muzik. Dalam erti kata lain, lagu adalah puisi. Lirik lagu juga tidak boleh dipisahkan dengan irama kerana perannya sebagai pengiring sudah menjadi kesatuan dalam muzik dan diantara lirik lagu dengan puisi mempunyai pertalian yang sama. Selain itu, Amirul Nur Wahid dan Kundharu Saddhono (2017) juga membincangkan tentang lirik lagu yang merujuk sebagai salah satu karya sastera. Lirik lagu sarat dengan kata-kata yang dapat memberi nasihat kepada para pendengar. Nasihat dibahagikan mengikut jenis-jenisnya yang tersendiri sehingga isi kandungannya mampu diterima dalam penerapan kehidupan manusia. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya, dilihat bahawa lirik lagu seperti menggunakan bahasa kiasan yang mempunyai maksud tersurat dan tersirat. Bahasa kiasan yang puitis memberikan keindahan dalam penulisan lirik lagu serta lirik lagu yang ditulis terkadang muncul daripada kisah hidup penulis atau orang sekeliling.

Masyarakat Orang Asli

Masyarakat merupakan kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Kira-kira 100,000 tahun dahulu, dalam sejarah nenek moyang Orang Asli telah mengatakan bahawa mereka berhijrah keluar dari benua Afrika dengan berjalan kaki dari Semenanjung Arab ke kawasan benua kecil di India dan terus bergerak masuk sehingga ke kawasan Asia Tenggara melalui Myanmar dan

Kepulauan Andaman dan sehingga ke kawasan Sumatra. Namun, terdapat juga segelintir yang datang ke Semenanjung melalui selatan Thailand dan terus memasuki kawasan penempatan Tanah Melayu. Ramlee Abdullah (2008) menyatakan bahawa, masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang tersebar di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali di Perlis dan Pulau Pinang. Misalnya kelompok Negrito majoritinya mendiami kawasan di utara dan juga di bahagian tengah Semenanjung Malaysia. Begitu juga dengan kelompok masyarakat Orang Asli Senoi, mereka pula berada di kawasan utara, pantai timur dan di kawasan tengah Semenanjung Malaysia (JHEOA, 2008).

Senoi dalam bahasa Temiar bermaksud ‘Orang’ atau ‘Kemanusiaan’ yang kebanyakannya tinggal di kawasan Tengah Semenanjung Malaysia iaitu di Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor. Jumlah taburan terbesar kumpulan etnik Senoi adalah di negeri Perak dan diikuti oleh negeri Pahang. Kaum Senoi ini terbahagi kepada beberapa suku iaitu Temiar, Semai, Mah Meri, Jah Hut, Che Wong dan Semoq Beri (Iskandar Carey, 1976). Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada suku kaum Jah Hut yang telah dikenalpasti di Kampung Terbol, Pahang. Memetik tulisan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia dalam buku ‘Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli’, suku kaum Jah Hut menetap di daerah Temerloh dan Jerantut di Negeri Pahang. Suku kaum Jah Hut ini menyara hidup dengan mencari rotan dan damar untuk dijual. Mereka juga menangkap ikan, memburu binatang dan berladang dengan menanam padi huma, jagung dan ubi.

Secara kesimpulannya, masyarakat orang asli di Malaysia terdiri daripada pelbagai suku kaum. Kepelbagaian cara hidup, tradisi dan budaya orang asli berbeza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Oleh itu, kita perlulah sama-sama membantu dalam menjaga warisan masyarakat Orang Asli.

Sewang

Sewang merupakan upacara yang menjadi amalan tradisi kesemua suku kaum masyarakat Orang Asli. Namun, setiap suku kaum Orang Asli mempunyai keperluan masing-masing seperti hiburan, upacara keagamaan atau ritual bagi perubatan. Sewang adalah seni persembahan jenis tarian tradisional bagi masyarakat Orang Asli yang masih diamalkan sehingga hari ini (Sucira A/P Nai Soow, 2016). Tarian sewang banyak dipersembahkan dan ianya juga terdiri daripada pelbagai jenis fungsi seperti hiburan, pesta keramaian dan juga bagi tujuan perubatan. Walaupun begitu, setiap perkampungan mempunyai identity yang tersendiri dalam gerak tarian dan fungsi. Sewang atau juga dikenali sebagai Jenulang bagi suku kaum Semai merupakan salah satu tarian tradisional masyarakat orang Asli bagi suku kaum Semai dan Temiar (Nik Haslinda Nik Hussain, 2017). Upacara Sewang ini merupakan satu upacara berbentuk pemujaan atau ritual yang bertujuan untuk mengubati penyakit atau juga bagi meraikan roh nenek moyang mereka yang menjadi amalan masyarakat orang asli di kawasan Semenanjung Malaysia. Sewang juga mempunyai pelbagai jenis dan ianya bergantung kepada tujuan melakukannya serta ianya juga berbeza mengikut setiap suku kaum orang asli.

Analisis dan perbincangan

Semantik merupakan kajian makna istilah. Perkataan ini berasal daripada perkataan Greek ‘semantikos’ yang membawa maksud ‘erti yang penting’. Dalam keadaan tersebut, ‘semantik’ merujuk kepada makna perkataan dan turut memberi maksud ‘ilmu tentang makna atau erti’. (Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin, 2016). Jadual 1 menunjukkan analisis terhadap rangkap pertama lagu Tabik-tabik.

Jadual 1 : Makna Lirik Lagu Tabik-Tabik Rangkap pertama

Bil	Lirik Lagu Tabik-Tabik	Makna	Analisis Pemaknaan
1	Tabik-tabik balai tung puri	Ketua balai disembah	ketua balai merujuk kepada pemimpin atau pawang yang disembah merujuk kepada roh atau semangat yang berhubung semasa upacara 'niksoi' berlangsung
2	Dalam balai mayang tung puri	Nama orang disembah	nama orang merujuk kepada nama orang yang disembah iaitu 'tung puri' yang disembah merujuk kepada roh atau semangat yang berhubung semasa upacara 'niksoi' berlangsung
3	Salameleikum Malikum ku bagi salam	Assalamualaikum saya ucapkan	Assalamualaikum merujuk kepada ucapan salam sebagai pembuka bicara saya ucapkan merujuk kepada perkataan yang disebut terlebih dahulu daripada kita kepada seseorang
4	Minta tabik datuk salime kampung	Minta tabik datuk kampung	minta tabik merujuk kepada permintaan hormat kepada seseorang datuk kampung merujuk kepada ketua balai iaitu roh
5	Tolong kelih tolong tentang	Duduk bertentangan	cara berbual dengan seseorang itu mestilah duduk bertentangan dan bukan membelakangkan
6	Jangan biar cekit mencubit	Jangan biar mencubit	jangnan buat tidak tahu atau tidak endah
7	Tolong jaga tolong sapa	Tolong jaga tolong sapa	tolong jaga keselamatan pawang dan sapa kesemuanya yang berada dalam upacara sewang itu
8	Sedang manusia umat	Sedang manusia umat	manusia kerana semasa waktu ini pawang itu sudah berada di alam lain dan dia akan menjadi perantaraan
9	Bermain turut kata	Bermain turut kata	cara permainan dengan mengikut suka hati
10	Mula jadi abang jinjang	Mula jadi abang jinjang	permulaan upacara tersebut
11	Menurun dari nenek moyang	Menurun dari nenek moyang	adat yang turun dari generasi ke generasi seterusnya

Secara keseuruhannya, jadual 1 menjelaskan tentang seseorang pawang yang memanggil ketua roh atau semangat untuk masuk ke dalam kawasan balai tersebut. Balai yang dimaksudkan

adalah rumah yang digunakan ketika melakukan upacara Sewang¹. Pawang memberi salam kepada roh atau semangat tersebut bagi menunjukkan permulaan untuk mengadakan atau memulakan upacara Sewang tersebut. Pawang juga akan meminta roh atau semangat tersebut untuk menjaganya daripada segala malapetaka agar tidak berbalik kepada dirinya.

Jadual 2 : Makna Lirik Lagu Tabik-Tabik Rangkap Kedua

Bil	Lirik Lagu Tabik-Tabik	Makna	Analisis Pemaknaan
1	Tabik-tabik segala kawan	Tabik-tabik segala kawan	tabik-tabik merujuk kepada tanda hormat kepada seseorang segala kawan merujuk kepada segala orang yang terlibat dalam upacara tersebut untuk bersedia melakukan persembahan
2	Inilah turut kata zaman dulu	Inilah cakap kata zaman dahulu	nasihat orang zaman dahulu atau adat dahulu iaitu cara perubatan
3	Salameleikum Malikum	Assalamualaikum	ucapan salam sebagai pembuka bicara
4	Mintak tabik ayah bonda	Minta tabik ayah bonda	permintaan hormat kepada orang zaman dahulu
5	Anak jinjang pohon pintak	Anak jinjang pohon pinta	anak jinjang merujuk kepada ketampanan atau kecantikan seseorang samada lelaki mahupun perempuan pohon pinta merujuk kepada memohon keizinan
6	Jampi tawar penyakit-penyakai	Jampi tawar penyakit	jampi merujuk kepada mantera tawar penyakit merujuk kepada penawar penyakit
7	Anak bonda sedang iman	Anak bonda sedang iman	anak bonda merujuk kepada orang yang ingin disembuhkan sedang iman merujuk kepada tahap peribadi seseorang yang berada dalam keadaan elok
8	Mari-mari segala kawan	Mari-mari segala kawan	mari-mari merujuk kepada cara mengajak orang lain untuk turut serta bersama segala kawan merujuk kepada mengajak segala orang yang terlibat dalam upacara tersebut untuk bersedia melakukan persembahan
9	Kita main pancak tari	Mari kita menari	ajakan untuk menari bersama-sama
10	Pancak tari mula jadi	Maka menari akan menjadi	ritual perubatan tersebut

¹ Upacara Sewang yang dijelaskan dalam kajian ini merujuk kepada Sewang perubatan dan Sewang Menyambut Tetamu.

Jadual 2 menunjukkan rangkap kedua lirik lagu Tabik-tabik yang merujuk kepada pawang meminta izin kepada roh atau semangat untuk memulakan upacara Sewang. Pawang memberi tabik hormat kepada roh atau semangat untuk memulakan berjampi selain daripada mengajak para tetamu untuk memulakan majlis dengan tarian.

Jadual 3 : Makna Lirik Lagu Tabik-Tabik Rangkap Ketiga

Bil	Lirik Lagu Tabik-Tabik	Makna	Analisis Pemaknaan
1	Tabik-tabik tuan puteri	Tabik-tabik tuan puteri	tanda hormat kepada roh
2	Kita main dalam balai	Kita main dalam balai	melibatkan diri dalam ritual tersebut
3	Salameleikum Salam	Assalamualaikum	ucapan salam sebagai pembuka bicara
4	Mari kita bersama-sama	Mari kita bersama-sama	mengajak untuk turut serta bersama
5	Tuan puteri membawa teka-teki	Tuan puteri membawa teka-teki	tuan puteri merujuk kepada roh membawa teka-teki merujuk kepada mula bermain soal jawab
6	Teka-teki soal pantun	Teka-teki soal pantun	bermain soal jawab dalam bentuk pantun
7	Pantun suaka dendang dikir	Pantun diberi dendang berdikir	nada muzik yang dimainkan dengan membawa pantun
8	Minta maaf ayah bonda	Minta maaf ayah bonda	memohon kesilapan yang telah dilakukan kepada orang zaman dahulu
9	Adik si timah kurang paham	Adik si timah kurang faham	adik si timah merujuk kepada nama gelaran puteri tersebut kurang faham merujuk kepada tahap pengetahuan berada pada tahap yang rendah
10	Bermain turut kata	Ikut suka hati	melakukan sesuatu dengan minat
11	Harap ayah bonda	Harap ayah bonda	memohon pengharapan daripada orang zaman dahulu
12	Tolong ajar soal pantun	Tolong ajar soal pantun	ada meminta bantuan tentang soal jawab teka-teki
13	Anak bonda sedang belajar	Anak bonda sedang belajar	orang yang ingin disembuhkan berada di tahap menuntut ilmu
14	Kurang paham main soal	Kurang faham soal bermain	tahap pengetahuan yang rendah tentang permainan soal jawab atau teka-teki
15	Harap ayah bonda tolong ajar	Harap ayah bonda tolong ajar	memohon pengharapan daripada orang zaman dahulu dengan meminta bantuan
16	Dengar-dengar segala adik	Dengar-dengar segala adik	pesakit dan orang luar yang terlibat dalam upacara tersebut untuk bersedia dalam upacara persembahan

Bil	Lirik Lagu Tabik-Tabik	Makna	Analisis Pemaknaan
17	Mari gerak kita main	Mari gerak kita main	mengajak main soal jawab teka-teki
18	Tolong kelih tolong tentang	Tolong pandang duduk bertentangan	memberi perhatian dalam pemujaan tersebut
19	Kita menuju pantai laut	Kita menuju pantai laut	mencari si pembuat penghantar penyakit dengan bantuan alam
20	Laut hijau, Pantai hijau	Laut hijau, Pantai hijau	memuji keindahan alam yang menjadi perantara
21	Laut kiambang, Pulau kiambang	Laut kiambang, Pulau kiambang	laut dan pulau yang dipenuhi dengan tumbuhan yang terapung di air dan dipanggil 'kiambang'
22	Patas tarik dingin songsang	Patas tarik dingin songsang	batas yang samada ingin ikut suka hati atau ingin menari bersama kerana ada dingin atau songsang
23	Tolong kelih tolong tentang	Tolong pandang duduk bertentangan	memberi perhatian dalam pemujaan tersebut
24	Patas tasik pauh jangi	Patas tasik pauh jangi	batas yang memisahkan tempat yang ingin dituju
25	Patas tasik laut lepas	Patas tasik laut lepas	sempadan yang menjadi perantara dengan si pembuat pesakit
26	Tiang haras patas benuak	Tiang Arash paras benua	tempat yang dituju mempunyai batasan sempadan
27	Menunggu tuan Puteri Gunung Ledang	Menunggu tuan Puteri Gunung Ledang	dia menanti atau roh menanti
28	Pohon pintak akar kayu cinta kesian	Mohon pinta kesian cinta dari akar kayu	mohon pinta kesian – merujuk kepada meminta belas ihsan cinta dari akar kayu – merujuk kepada sejenis tumbuhan atau tanaman

Jadual 3 menunjukkan lirik lagu Tabik-tabik bagi rangkap ketiga dimana pawang mengajak roh atau semangat masuk dan terlibat sama dalam upacara Sewang yang sedang berlangsung. Semasa pemujaan tersebut dijalankan, pawang bermain kata-kata dengan roh atau semangat yang ada. Contohnya untuk mengetahui jenis penyakit dan sebab mengapa penyakit itu terjadi. Ketika sesi memanggil semangat, pawang menggunakan kata-kata yang berpuitis dengan roh atau semangat untuk meminta petunjuk kepada penyakit tersebut. Simbol alam digunakan dalam rangkap ketiga, iaitu 'kita menuju pantai laut', baris kedua puluh 'laut hijau, pantai hijau', baris kedua puluh satu 'laut kiambang, pulau kiambang' dan 'patas tarik dingin songsang'. Pemilihan perkataan ini merujuk kepada laut dan pantai yang menjadi perantara untuk manusia dan roh atau semangat untuk berkomunikasi.

Simbol alam seterusnya ialah ‘patas tasik pauh jangi’, ‘patas tasik laut lepas’ dan ‘tiang harus patas benuak’. Simbol ini merujuk kepada pawang dalam upacara yang sedang berlangsung, rohnya akan berjalan mencari di mana keberadaan roh yang membuatkan pesakit itu sakit dan pawang akan ke ceruk atau tempat yang disebutkan untuk bertanya kepada syaitan ‘bes’ tentang gerangan yang membuat perbuatan itu.

Oleh yang demikian, lagu Tabik-tabik yang terdapat dalam upacara Sewang merupakan satu kaedah yang menghubungkan dua dimensi, iaitu alam dunia dan alam yang berada pada dimensi lain yang berbeza frekuensinya.

Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin. (2016). *Semantik dalam Peristilahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Fauzi Rahman dan Puji Anto. (2015). *Analisis Lirik Lagu dan Aplikasinya dalam Pembelajaran Gaya Bahasa serta Puisi di Sekolah Dasar*. *Jurnal Inovasi Pendidikan Dasar*: Universitas Indraprasta PGRI, Jakarta, Indonesia.
- Hasan Mat Nor. (1998). *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*. *KertasKadangkala Bil. 8*. *JabatanAntropologi & Sosiologi*: Universiti Kebangsaan Malaysia.Malaysia. 1974.2.
- Iskandar Carey. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur-New York: Oxford University Press.
- Jimin Idris. (1968). *Distribution of Orang Asli in West Malaysia*”, *JMBRAS*, Jil. VII.
- Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Penerbit UTM.
- Masitah Mad Daud dan Zulkifley Hamid. (2017). *Pemikiran Dalam Lirik Lagu : Satu Analisis Makna (Thought In Lyrics : The Analysis Of Meaning)*. *Journal of Education and Social Sciences*, 6(2).
- Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria (2017),. “Perenggu Minda Melayu dalam Lirik Lagu: Satu Analisis Makna”. *e-BANGU: Journal of Social Sciences and Humanities*. 9(2): 001-013.
- Mohamad Hakimi Ahmad Khairuddin & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2021). *Perubahan Budaya Masyarakat Orang Asli Suku Temiar di Kampung Bukit Cermin, Kuala Kangsar, Perak*. *Malaysian Journal of Society and Space*. 17 (2), 298-312.
- Nik Haslinda Nik Hussain. (2017). *Pembentukan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Orang Asli Kelantan Melalui Konsep Tarian Sewang*. *Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia*.
- Nik Safiah Karim. (1994). *Bahasa Dalam Lagu*. *Pelita Bahasa*. April: 28-29.
- Nor Aieni Hj Mokhtar. 2016. *Kata Aluan*. Dlm. Mohd Tajuddin Abdullah, Muhammad Fuad Abdullah, Candyrilla Vera Bartholomew dan Rohana Jani (Pnyt.). *Kelestarian Orang Asli Terangganu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu. Xi.
- Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016-2020*. (2019). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Ramlee Abdullah. (2008). *Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu*. *Isu Transformasi dan Cabaran*. Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Wahid, A. N., & Saddhono, K. (2017). *Ajaran moral dalam lirik lagu dolanan anak*. *MUDRA Jurnal Seni Budaya*, 32(2). Indonesia: Institut Seni Indonesia Denpasar. Doi: <https://doi.org/10.31091/mudra.v32i2>. 107.